

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
KAWASAN : MACHANG
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB DATO' AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kerajaan akan meneruskan pakej baharu Central Spine Road (CSR) laluan Kota Bharu – Gua Musang kerana projek ini bakal memberikan manfaat kepada hampir seluruh penduduk Kelantan dan membantu perkembangan sosio ekonomi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek infrastruktur berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di Negeri Kelantan dan Pahang ialah Projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai dan *Central Spine Road*.

Projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai sepanjang 61.36km telah dimulakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Projek ini dibahagikan kepada tiga (3) pakej utama iaitu:

- 1) Pakej 1: Wakaf Che Yeh ke Kadok (10.8km)
- 2) Pakej 2: Kadok ke Machang (28.95km)
- 3) Pakej 3: Machang ke Kuala Krai (21.61km)

Selaras dengan keperluan trafik semasa, projek ini telah diluluskan dengan empat (4) kontrak pembinaan iaitu:

- 1) Pakej 1B: Pasir Hor ke Kadok (7km) telah siap pada Julai 2018;
- 2) Pakej 2A: Kadok ke Ketereh (6.85km) telah dimulakan pada April 2015 dan dijangka siap pada Julai 2019;
- 3) Pakej 2B: Ketereh ke Kok Lanas (6.2km) telah dimulakan pada November 2017 dan dijadualkan siap pada November 2020; dan
- 4) Pakej 2C & 3A: Kok Lanas ke Bukit Tiu (19.1km) telah diluluskan untuk pelaksanaan dalam *Rolling Plan* 4 Tahun 2019 dan dijangka akan ditender pada suku ketiga tahun 2019.

Seterusnya, Projek *Central Spine Road* (CSR) dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 351.3km telah pun dimulakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan dibahagikan kepada enam (6) pakej utama iaitu:

- 1) Pakej 1: Kuala Krai ke Jambatan Sg. Lakit, Kelantan (47km);
- 2) Pakej 2: Jambatan Sg. Lakit ke Gua Musang, Kelantan (59km);
- 3) Pakej 3: Gua Musang ke Kg. Relong, Kuala Lipis, Pahang (93.8km);
- 4) Pakej 4: Kg. Relong, Kuala Lipis ke Raub, Pahang (50km);
- 5) Pakej 5: Raub ke Bentong, Pahang (54km); dan
- 6) Pakej 6: Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang (47.5km).

Projek CSR dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan keutamaan kepada aspek keselamatan dan kesesakan lalu lintas. Sehingga kini, jajaran sepanjang 189.5km telah diluluskan untuk pelaksanaan iaitu 172km di Negeri Pahang (Pakej 3, 4 dan 5) dan 17.5km di Negeri Kelantan (Pakej 3). Pelaksanaan projek CSR di Negeri Kelantan yang telah diluluskan adalah melibatkan jajaran dari Bulatan Gua Musang ke Mentara seperti berikut:

- 1) Pakej 3, Seksyen 3B dan 3C: KM180.5 FT08 ke Gua Musang, sepanjang 7km yang kini dalam peringkat perolehan dan dijangka mula pembinaan pada suku ketiga tahun 2019.
- 2) Pakej 3, Seksyen 3D: Bulatan Gua Musang ke Merapoh sepanjang 10.5km yang kini dalam peringkat pembinaan dan dijadualkan siap pada Mac 2021.

Baki pakej yang masih belum dilaksanakan untuk Projek CSR di negeri Kelantan dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh *Rolling Plan* dan

Rancangan Malaysia yang seterusnya, tertakluk kepada kelulusan peruntukan.

Sekian, terima kasih.